



Ruj Kami : JPWP(S)500-3/3/9/Jld.2(67)  
Tarikh : 15 April 2013

**SEGERA**

Semua Timbalan Pengarah Pelajaran  
Semua Ketua Sektor  
Ketua Penolong Pengarah / Ketua Unit  
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan  
**KUALA LUMPUR**

Semua Pengetua/Guru Besar  
Sekolah Menengah /Rendah  
Wilayah Persekutuan  
**KUALA LUMPUR**

YBhg. Datin/Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) GRED DG44 KE GRED DG48 (BIDANG UMUM / BIDANG TEKNIKAL DAN BIDANG PENDIDIKAN ISLAM) TAHUN 2013 DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Kementerian Pelajaran Malaysia bil. (38) Jld. 21 dlm KP(PP)SULIT 0063/96 bertarikh 08 April 2013 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG44 ke Gred DG48 Bidang Umum/ Bidang Teknikal dan Bidang Pendidikan Islam. Urusan pemangkuan ini dilaksanakan bertujuan **untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan kenaikan pangkat PPPS Gred DG48 di sekolah-sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah dan Bahagian-Bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia.**
3. Urusan pemangkuan ini terbuka kepada semua PPPS Gred DG44 yang mempunyai kelayakan dalam Bidang Umum, Bidang Teknikal dan Bidang Pendidikan Islam serta memenuhi syarat-syarat umum dan khusus yang ditetapkan.
4. Bagi pegawai-pegawai yang sedang cuti belajar, cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan juga boleh memohon dalam urusan pemangkuan ini dengan syarat mereka termasuk dalam kategori pegawai yang dinyatakan di perenggan 3 di atas sebelum bercuti.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR4166

**"GEMILANG DALAM KALANGAN YANG CEMERLANG"**

(Sila catatkan no. Rujukan Jabatan ini apabila berurusan)



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR4166

5. Syarat-syarat umum dan khusus untuk menentukan kelayakan permohonan adalah seperti berikut:-

#### 5.1 Syarat Umum

- i. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tiga tahun terakhir bagi tahun 2009, 2010 dan 2011;
- ii. Bebas daripada tindakan tatatertib;
- iii. Telah mengisytiharkan harta (tempoh lulus isytihar harta tidak melebihi (5) tahun);
- iv. Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- v. Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institut Pinjaman Pendidikan; dan
- vi. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

#### 5.2 Syarat Khusus

- i. Tarikh naik pangkat ke Gred DG44 **sebelum atau pada 31.12.2010**
- ii. **Bidang Umum (BU)**
  - Mempunyai kelulusan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan pengkhususan dalam bidang-bidang selain daripada Bidang Pendidikan Islam dan Bidang Teknikal.
- iii. **Bidang Teknikal (BTEK)**
  - Mempunyai kelulusan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan pengkhususan dalam bidang Teknikal iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Senibina, Ukur Bahan, Ukur Tanah, Teknologi Makanan dan Perakaunan.
- iv. **Bidang Pendidikan Islam (BPI)**
  - Mempunyai kelulusan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan pengkhususan dalam bidang Pendidikan Islam iaitu Pengajian Al-Quran, As-Sunnah, Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab dan lain-lain.

6. Urusan ini tidak termasuk :
- 6.1 Pengisian jawatan-jawatan Pensyarah Gred DG48 di Institut Aminuddin Baki (IAB), Institut Pendidikan Guru (IPGM) dan Kolej Matrikulasi, dan
- 6.2 Pengisian jawatan-jawatan guru akademik Gred DG48 di sekolah-sekolah yang mempunyai Tingkatan 6.
7. Untuk makluman, bagi **PPPS yang bertugas di sekolah, PPD, JPN dan Bahagian-bahagian di KPM**, permohonan adalah **melalui Sistem Kenaikan Pangkat (ePangkat)** dan penetapan permohonan samada PPP di bawah Bidang Umum/ BidangTeknikal/ Bidang Pendidikan Islam adalah di bawah tanggungjawab JPN/ Bahagian dengan berdasarkan syarat khusus 5.2 (ii), (iii) dan (iv). **Permohonan yang dikemukakan terus ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) secara luar talian tidak akan dipertimbangkan.** Carta alir permohonan adalah seperti di **Lampiran A**.
8. PPPS hendaklah mengemukakan permohonan melalui Sistem Kenaikan Pangkat (ePangkat) kepada Ketua Jabatan masing-masing **pada atau sebelum 24 April 2013.**
9. Timbalan Pengarah PPW, Pengetua dan Guru Besar bagi PPPS di perenggan 7, perlu membuat pengesahan maklumat PPPS yang memohon melalui Sistem Kenaikan Pangkat (ePangkat) **sebelum atau pada 2 Mei 2013.**
10. Kerjasama Ketua Jabatan adalah dipohon untuk mengemukakan hanya data yang lengkap bagi memudahkan proses permohonan. Adalah menjadi tanggungjawab Y.Bhg Datin/tuan/puan sebagai Ketua Jabatan bagi memastikan maklumat yang diberi adalah tepat dan tiada berlaku keciciran dan kelewatan dalam mengemukakan maklumat tersebut agar pihak Jabatan dapat mengemukakan ke Kementerian seperti mana yang telah ditetapkan.
11. Ketua Jabatan juga dipohon merujuk kepada **laman web Sistem Kenaikan Pangkat (ePangkat) untuk mendapatkan panduan bagi permohonan urusan pemangkuan ini.** Berikut adalah tarikh mula dan tutup bagi permohonan setiap peringkat yang terlibat:

Tarikh Mula dan Tarikh Tutup Permohonan Calon	Tarikh Mula dan Tarikh Tutup Peringkat Pengetua/Guru Besar/Timbalan Pengarah PPW peraku ke JPN	Tarikh Mula dan Tarikh Tutup Peringkat JPN peraku ke BPSM
10 April – 24 April 2013	25 April – 02 Mei 2013	03 Mei – 10 Mei 2013


12. Sekiranya senarai calon dan perakuan yang diterima tidak lengkap atau lewat daripada tarikh yang ditetapkan ianya tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini Y.Bhg Datin/tuan/puan boleh berhubung dengan **En. Irwan bin Abd Razak di talian 03-62036087** untuk penjelasan selanjutnya.

13. Di atas segala kerjasama Y.Bhg Datin/tuan/puan berikan di dalam melaksanakan perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(ABDULLAH BIN MAD YUNUS)**

Pengarah Pelajaran


Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

s.k Fail Timbul

LAMPIRAN A

**CARTA ALIR PERMOHONAN BAGI PPP YANG BERTUGAS  
DI SEKOLAH, PPD, JPN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN DI KPM**



\*\*\* Semua proses di atas adalah secara atas talian